

21 NOV 1996

DR MAHATHIR RASMI DIALOG PASIFIK KETIGA (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Dialog Pasifik Ketiga, sebuah forum membincangkan kerjasama politik dan ekonomi, di Hotel Istana di sini.

Acara dua hari itu dianjurkan bersama oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Malaysia, Institut bagi Kajian Dasar Malaysia dan Pusat Dasar Asia Pasifik Amerika Syarikat .

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terdahulu tujuh senator Amerika mengunjungi Dr Mahathir di hotel berkenaan. Mereka ialah Sam Nunn, William Cohen, Christopher Bond, Susan Collins, Bill Frist, Slade Gorton dan Fred Thompson.

Kumpulan senator berkenaan merupakan antara 50 anggota perwakilan dari 12 negara yang menghadiri dialog itu.

Anwar mengetuai 11 anggota perwakilan Malaysia, antaranya ialah Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamad, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifudin Haji Omar, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Dr Fong Chan Onn dan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman. -- BERNAMA

ES RON